

# Bukit Jeloh




Pemandangan dari lereng Bukit Jeloh, menghadap pinggir sebelah timur pekan Kajang di sebelah utara, dilatari banjaran bukit (kemungkinan Bukit Sungai Long), 2025.

## 1911-06-06: Kediaman H.R. Moullin

**H.R. Moullin** pernah memohon sebidang tanah di lereng bukit Jeloh untuk tujuan pembinaan rumah kediamannya: *"It lies about half way up the slope of Bukit jeloh. The block below it is a chinese rubber Kabun with dwelling house and that above and at the west is part of the Kajang rubber Companies' property while on the east there is some State land still in bluker. The land is a fine building site and has a good view over Kajang but is somewhat difficult to access. This block was originally granted for*

a Roman Catholic Sanitorium and School vide your papers 3097/08, 2778/08. 4709/05 etc. but the subsequent 7 years' lease to Goh Ah Ngee was never issued and the buildings were pulled down and removed by the purchaser."




**Kiri:** Pelan cadangan kediaman H.R. Moullin (1911)

**Kanan:** Peta lokasi cadangan kediaman H.R. Mullin, ditandakan merah ([Google Maps: Bukit Jeloh](#)).

(Sumber: PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR, 6/6/1911:

"Apply by Mr. H.R. Moullin for 2a.34p. of land for dwelling at Kajang").

## Bukit Jeloh Kini



Kawasan ini kini termasuk dalam Seksyen 10, Jalan Bukit, Kajang. Lokasi cadangan kediaman H.R. Moullin kini sebahagian daripada rizab kerajaan (ditandakan dengan sempadan merah, tiada nombor lot), bersebelahan Balai Bomba dan Penyelamat Kajang ([Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia \(JUPEM\) MyLot](#)).

### Rekod Pemilikan

Terdapat rekod yang menyatakan sebahagian besar puncak Bukit Jeloh (Lot 53403 dan 53404) dimiliki oleh Fotopop Sdn Bhd, kemudiannya diambil alih oleh Serba Simfoni Sdn Bhd (anak syarikat OCR Group Berhad):-

*"Fotopop has the following two (2) pieces of lands ("Lands") held under:-*  
 (a) *Pajakan Negeri No. Hakmilik No.PM 5820 for Lot 53404, Seksyen 10 situated in Bandar Kajang, Hill Street Kajang, Daerah Hulu Langat, with a tenure expiring on 12 July 2059 comprising an area of approximately 6,152 square metre. The land is leasehold agriculture land zoned for that has been converted to residential use. It is currently a vacant land; and*  
 (b) *Pajakan Negeri No. Hakmilik No.PM 5824 for Lot 53403, Seksyen 10 situated in Bandar Kajang, Hill Street Kajang, Daerah Hulu Langat, with a tenure expiring on 3 November 2054 comprising an area of approximately 8,894 square metre. The land is leasehold agriculture land. It is currently a vacant land."*

(Sumber: [OCR GROUP BERHAD @ Insage \(MSC\) Sdn Bhd, 8 May 2020](#):

"OCR GROUP BERHAD").

### Laporan Pendakian

*"Destinasi terakhir adalah menawan puncak Bukit Kajang (Bukit Jeloh) 134m dari aras laut."*



**Kiri:** "Puncak yang dimasuki melalui trek Taman Bukit Mewah. Altitud ketinggian di parkir kereta adalah 101m. Terlihat kesan pijakan kaki di rumput bahu jalan dan terus cuba masuk ke kawasan bukit. Ternyata ada trek yang sering dilalui untuk ke puncak. Kecerunan agak tinggi namun dibantu tanah yang bertangga memudahkan pendakian."

**Tengah Kiri:** "Beberapa minit kemudian sampailah di kawasan puncak. Merupakan ladang getah yang masih di kelilingi pokok-pokok yang tumbuh meliar. Kawasan puncak agak luas dan banyak trek dapat dilihat. Tiba dipuncak mencari titik tertinggi dan disetkan pada aplikasi peta topo itu."

**Tengah Kanan:** "Batu sempadan yang baru diselenggara berjaya dikesan kawasan puncak. Bersebelahannya terdapat kawasan berpagar milik Air Selangor. Tepi pagar turut ada laluan ke bawah. Banyak laluan naik ke puncak ini. Cuma tidak tahu trek permulaannya dari kawasan mana."

**Kanan:** "Aktiviti wajib selepas tiba dipuncak merakamkan bukti dengan nama dan ketinggian setiap bukit menggunakan kertas A4. Boleh dilihat banyak pokok di sekeliling puncak bukit ini."





**Kiri:** "Kemudian ke kawasan pemandangan untuk merakamkan detik kenangan. Terdapat kayu panjang dijadikan bangku. Terdapat bendera Malaysia diikat dan dipacak pada pokok. Pemandangan biasa kawasan riadah oleh penggemar yang cintakan kesihatan. Banyak trek yang boleh dilalui hingga ke puncak. Paling cepat berkereta pastilah trek Bukit Mewah ini."

**Tengah:** "Pemandangan sekitar Bandar Kajang dapat dilihat jelas dihadapan mata. Pastikan kawasan ini menjadi tempat wajib apabila tiba disini."

**Kanan:** "Pemandangan Kuala Lumpur termasuk bangunan tertinggi dapat dilihat dari sini. Bukit sebelah kiri itulah laluan mendaki dari Bukit Mewah."

(Sumber: zaiham 9W2DYA / 113MB290 @ 9W2DYA STESEN RADIO AMATUR, 4 Disember 2021:

"Bukit Sapu Tangga 113m, Bukit Tempurung 122m dan Bukit Kajang 134m").

From:

<https://kajang.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Kajang**

Permanent link:

[https://kajang.pulasan.my/bukit\\_jeloh?rev=1758593494](https://kajang.pulasan.my/bukit_jeloh?rev=1758593494)

Last update: **2025/09/23 10:11**

